

19 MAY 2001

Mahathir-Kaum

K'JAAN TIDAK ANAK TIRIKAN MANA-MANA KAUM, KATA PM

JOHOR BAHRU, 19 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan terus membantu kaum-kaum tertentu kerana mereka mempunyai kelemahan dan kekurangan berbanding kaum-kaum lain di negara ini.

Bagaimanapun jika kerajaan dilihat cenderung membantu atau memberi keistimewaan kepada satu-satu kaum sahaja, ia tidak bermakna kerajaan bersikap pilih kasih terhadap kaum itu, kata Perdana Menteri.

"Ini juga tidak bermakna kerajaan menganaktirikan kaum-kaum lain atau meminggirkan mereka daripada perhatian atau pertolongan kerajaan," katanya semasa berucap merasmikan Mesyuarat Agung MIC ke-55 di sini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional berkata jika kerajaan dilihat hanya menolong satu-satu kaum sahaja, ia disebabkan kaum itu memerlukan perhatian atau tumpuan yang lebih daripada kerajaan.

"Sudah tentu ada kelemahan atau kekurangan pada kaum-kaum itu yang menyebabkan mereka ketinggalan dan perlukan pertolongan kerajaan," katanya.

Katanya kerajaan tidak boleh membiarkan kaum itu sendiri memperbaiki nasib buruk mereka kerana sudah terbukti mereka tidak berkemampuan dan tidak berpeluang menangani masalah mereka.

Mereka masih memerlukan pertolongan dan perhatian serius kerajaan.

"Saya berharap setiap kaum dapat memahami kedudukan ini kerana ia penting kepada keamanan dan kemajuan negara kita di masa hadapan," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata kerajaan serius dalam usahanya untuk memperbetulkan masyarakat negara ini agar sama-sama dapat menikmati kemajuan dan kemakmuran negara.

"Kita tidak mahu melihat rakyat kita dibahagi-bahagikan atau dipecah-pecahkan mengikut status sosial dan ekonomi mereka," katanya.

Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Nasional, Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga dan Rancangan Malaysia Kelapan, semuanya bertujuan untuk memperbetulkan kepincangan sosial dan ekonomi dalam masyarakat pada hari ini, katanya.

Dr Mahathir berkata dasar kerajaan ialah memastikan tidak ada mana-mana kaum di negara ini ketinggalan atau terpinggir berbanding kaum lain dalam arus pembangunan sosio-ekonomi dan kemajuan negara.

Kedudukan yang tidak seimbang antara kaum dalam apa juga bidang terutama sosial dan ekonomi akan mencetuskan masalah pergeseran atau pertelingkahan antara kaum.

"Kita telah mengalami keadaan yang tidak seimbang ini. Ia hampir menjerumuskan negara kita ke arah kehancuran dan kemusnahan akibat perbalahan kaum yang berpunca daripada pembahagian kekayaan negara yang tidak seimbang.

"Inilah yang cuba dielakkan oleh kerajaan daripada berlaku ke atas rakyat dan negara kita," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan sedar bahawa usaha membawa pembangunan dan kemajuan kepada rakyat tidak boleh dilengah-lengahkan.

"Kita tidak boleh membiarkan rakyat yang ketinggalan terus memperbetulkan nasib mereka sendiri tanpa seliaan dan bantuan.

"Kita perlu mengadakan rancangan-rancangan khusus untuk membawa rakyat kita yang terpinggir keluar daripada kemelut kehidupan mereka yang buruk. Cara atau budaya penghidupan mereka yang lama juga harus ditukar mengikut perkembangan semasa," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir juga menggesa rakyat Malaysia supaya terus memelihara

perpaduan dan keamanan negara.

"Kita hendaklah berusaha meningkatkan tahap persefahaman dan kerjasama antara kaum agar kita peka atau sensitif terhadap kaum masing-masing. Dengan adanya semangat toleransi dan saling faham memahami, mudahlah kita mengelakkan diri kita daripada terjebak ke dalam pertelingkahan kaum.

"Kita janganlah mudah termakan hasutan orang hingga kita sanggup melakukan apa sahaja untuk merosakkan perpaduan dan negara kita," katanya.

-- BERNAMA

ES ES RON MAI